

Kepentingan Teater Melayu Tradisional Dalam Industri Kreatif
The Importance of Traditional Malay Theatre in the Creative Industry

A. Halim Ali
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Malaysia
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

Nur Inani Shamimi bt Azura@Che Daud
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
inanisyamimie@gmail.com

Received: 11 October 2024 ; Published: 31 December 2024

Ali, A. H., & Azura@Che Daud, N. I. S. (2025). *Kepentingan Teater Melayu Tradisional Dalam Industri Kreatif*. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 12(2), 70 -82. Retrieved from <https://rumpunjurnal.com/jurnal/index.php/rumpun/article/view/194>

ABSTRAK

Perkembangan semasa ekonomi global menunjukkan industri kreatif adalah salah satu sumber penting pertumbuhan ekonomi dan percambahan budaya di negara-negara maju. Contohnya, industri ini telah menyumbang sebanyak USD\$3 trilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat. Dalam perspektif ekonomi dan sosiobudaya Malaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM9.4 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Dalam memacu negara ke kemuncak kemajuan, kreativiti dan daya pemikiran di luar kotak perlu ditambah dan dirangsangkan. Industri kreatif dikatakan meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan. Namun begitu, penelitian ini hanya berfokus kepada sumbangan teater Melayu tradisional sebagai salah satu aset dalam industri kreatif negara. Ditemukan bahawa, terdapat beberapa jenis teater tradisional Melayu yang utama iaitu Mak Yong, Wayang Kulit, Mek Mulung dan Teater Bangsawan dengan ciri-ciri asas seperti gabungan lakonan, muzik, tarian, nyanyian, dan elemen puitis. Teater tradisional ini mengandungi unsur sastera seperti hikayat dan cerita rakyat yang menyampaikan mesej moral serta mitos melalui simbolisme dan kiasan. Potensi teater Melayu tradisional dalam industri kreatif terletak pada kemampuannya untuk dijadikan produk pelancongan budaya, hiburan dan seni budaya yang dapat menarik minat generasi muda serta pelancong. Kepentingan teater melayu tradisional dalam industri kreatif bukan sahaja dari aspek ekonomi, tetapi juga sebagai pemelihara identiti budaya untuk memastikan warisan seni ini terus hidup dan dihargai pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Kata kunci: Teater Melayu Tradisional, Mak Yong, Wayang Kulit, Mek Mulung, Industri Kreatif

ABSTRACT

Contemporary global economic trends indicate that the creative industries represent a significant source of economic growth and cultural development in advanced nations. For instance, the creative sector has contributed USD 3 trillion to the Gross Domestic Product (GDP) of the United States. In the context of Malaysia's economic and sociocultural landscape, the creative industries contributed RM 9.4 billion to the national GDP in 2008 and possess the potential to drive a high-income economy while elevating national culture. To propel the nation to the zenith of progress, creativity and out-of-the-box thinking must be nurtured and stimulated. The creative industries encompass performing arts and music, design, animation, advertising, and content development. However, this study focuses specifically on the contribution of traditional Malay theatre as a significant asset within the nation's

creative industry. It is observed that the primary forms of traditional Malay theatre include Mak Yong, Wayang Kulit, Mek Mulung, and Teater Bangsawan, each characterized by a fusion of acting, music, dance, singing, and poetic elements. These traditional performances incorporate literary elements such as epic tales and folklore, conveying moral messages and myths through symbolism and allegory. The potential of traditional Malay theatre within the creative industries lies in its capacity to be developed as a cultural tourism product, an entertainment form, and a cultural art that can captivate both the younger generation and tourists. The significance of traditional Malay theatre in the creative industry extends beyond its economic impact; it also plays a crucial role in preserving cultural identity, ensuring that this artistic heritage remains vibrant and appreciated at both the local and international levels.

Keywords: Traditional Malay Theatre, Mak Yong, Wayang Kulit, Mek Mulung, Creative Industry

PENGENALAN

Industri kreatif merupakan mandala yang melibatkan kreativiti individu keterampilan dan bakat yang mempunyai potensi menjana kekayaan serta penciptaan peluang pekerjaan melalui penggalakan dan eksploitasi harta intelek. Menerusi buku *Dasar Industri Kreatif Negara (DKIN)* (2020), industri kreatif dalam konteks Malaysia ialah penggabungan dan penghasilan kebolehan dan bakat individu atau kumpulan berasaskan kreativiti, inovasi dan teknologi yang menjurus kepada sumber keberhasilan ekonomi dan pendapatan tinggi kepada negara dengan memberi penekanan kepada aspek karya dan hak cipta selaras dengan budaya dan nilai-nilai murni kepelbagaian kaum di Malaysia. Dengan kata lain, industri kreatif merujuk kepada seni untuk ekonomi yang melibatkan individu-individu berbakat, pihak korporat dan seterusnya memberi implikasi kepada negara dari segi pendapatan dan imej negara.

Industri kreatif boleh dibahagikan kepada beberapa kategori industri, iaitu industri kreatif multimedia yang terdiri daripada industri-industri yang mengaplikasikan kemajuan teknologi terkini dalam menghasilkan produk-produk kreatif seperti penerbitan filem dan TV, pengiklanan, seni reka dan animasi dan kandungan digital (Saifuddin Abdullah. (2020). Selain itu, industri kreatif seni budaya yang merupakan industri yang berkaitan dengan penghasilan karya-karya seni yang bercirikan budaya Malaysia seperti kraf, seni visual, seni muzik, seni persembahan, penulisan kreatif dan fesyen dan tekstil. Tambahan pula, industri kreatif juga terdiri daripada industri warisan budaya yang merupakan industri berkaitan warisan budaya seperti aktiviti muzium, arkib, pemuliharaan dan pemuliharaan. Dasar Industri Kreatif Negara merangkumi kesemua bidang industri tersebut yang dapat menjana pendapatan termasuk industri sokongan yang berkaitan seperti pengedaran dan pemasaran.

Dalam perspektif ekonomi dan sosiobudaya Malaysia, industri kreatif telah memberi sumbangan sebanyak RM9.4 bilion kepada KDNK negara pada tahun 2008 dan berpotensi menjana ekonomi berpendapatan tinggi serta memartabatkan budaya bangsa. Justeru, amat penting industri ini dibangunkan secara bersepadu dan terancang melalui satu dasar dan hala tuju yang komprehensif (Silalahi, (2023). Menyedari hakikat kepentingan industri ini, Kementerian telah mengadakan Persidangan Industri Kreatif pada 17 Mac 2009. Antara perkara yang menyentuh industri ini adalah ketiadaan penyelarasan dan dasar yang jelas tentang pembangunan industri kreatif di negara ini. Oleh yang demikian, satu dasar industri kreatif perlu diwujudkan bagi menjelaskan hala tuju dan pembangunan industri kreatif negara. Bagi tujuan ini, Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) digubal sebagai dasar induk untuk menetapkan prinsip-prinsip asas pembangunan industri kreatif (Saifuddin Abdullah. (2020). Dasar ini akan menjurus dan memacu segala kegiatan kreatif secara lebih produktif dan ekonomik melalui sinergi sektor awam dan swasta. Industri kreatif juga wajar dimajukan lagi untuk menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Industri ini meliputi seni persembahan dan muzik, reka bentuk, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan.

Di Malaysia, industri kreatif dijadikan dasar dalam pembangunan negara dan cadangan telah dibentangkan dalam belanjawan 2010. Inti dasar tersebut ialah menggubal Dasar Industri Kreatif yang komprehensif sebagai asas pembangunan industri kreatif negara, menyediakan dana industri kreatif berjumlah 200 juta ringgit dan kerajaan akan menubuhkan Tabung Kebajikan Penggiat Seni. Pada

tahun 2009 pernah diisytiharkan sebagai tahun kreatif dan inovatif negara dan memperuntukkan RM 200 juta untuk membiayai aktiviti seperti pengeluaran filem dan drama, muzik, animasi, pengiklanan dan pembangunan kandungan tempatan.

EVOLUSI INDUSTRI KREATIF DI MALAYSIA

Evolusi industri kreatif dalam bidang teater di Malaysia mencerminkan perjalanan yang panjang dan dinamik, dipengaruhi oleh perubahan sosial, politik, ekonomi, dan budaya. Bidang teater di Malaysia telah berkembang dari bentuk persembahan tradisional kepada pementasan teater moden, pascamoden dan kini, era digital.

a. Zaman Klasik

Sebelum kedatangan kuasa kolonial, seni kreatif di Malaysia lebih berkait rapat dengan kesenian tradisional seperti ukiran kayu, batik, tenunan songket, wayang kulit dan seni persembahan seperti Mak Yong dan Dikir Barat. Seni ini sering berkait dengan adat istiadat, keagamaan dan kehidupan masyarakat Melayu serta suku-suku pribumi lain di Malaysia. Pada tahap ini, teater tidak dilihat sebagai industri komersial tetapi lebih kepada ritual dan hiburan tradisional yang menghubungkan masyarakat dengan budaya dan agama mereka. Karya seni dihasilkan dalam konteks keagamaan, budaya dan ritual. Contohnya, ukiran pada masjid dan rumah-rumah tradisional memaparkan kehalusan seni yang berfungsi sebagai simbol keagamaan dan kekayaan budaya. Di bawah naungan Kesultanan Melayu Melaka (abad ke-15), industri kreatif mula berkembang melalui peranan para seniman dan tukang dalam mencipta ukiran, kraftangan serta seni persembahan yang digunakan dalam majlis-majlis istana. Seni dan budaya dibiayai oleh pihak istana dan komuniti tempatan serta tidak berorientasikan komersil. Seni berfungsi sebagai lambang identiti budaya dan agama.

b. Zaman Moden

Semasa zaman penjajahan British, terdapat perubahan besar dalam seni kreatif, di mana pengaruh dari Barat, Cina dan India semakin ketara. Kesenian mula mendapat pengaruh kolonial melalui arkitektur, muzik dan persembahan. Pada era ini, terdapat pengenalan media cetak seperti surat khabar dan majalah, serta filem yang membawa hiburan moden kepada rakyat. Filem pertama yang dihasilkan di Malaysia ialah "Laila Majnun" pada tahun 1933, yang menandakan permulaan industri perfileman. Seni moden mula diperkenalkan oleh pelukis tempatan seperti Abdul Latiff Mohidin dan Syed Ahmad Jamal, yang mula mengeksperimen dengan gaya-gaya Barat seperti impresionisme dan kubisme, tetapi tetap mengekalkan unsur-unsur tradisional tempatan. Peningkatan komersialisasi seni melalui industri filem, muzik dan penerbitan, walaupun masih dalam skala kecil. Industri seni visual mula berkembang dengan pelukis tempatan meneroka seni moden Barat. Teater seperti *Bangsa Melayu Theatre* dan muzik keroncong mendapat perhatian lebih meluas, terutamanya di kalangan masyarakat Melayu bandar. Ketibaan penjajah British membawa pengaruh baru dalam seni persembahan. Elemen teater Barat mula diperkenalkan, terutamanya di bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur dan Pulau Pinang. Teater Barat mula dipersembahkan di pentas-pentas di sekitar bandar yang melibatkan pelakon dari masyarakat Cina, India dan Melayu. Zaman penjajahan menyaksikan kepelbagaian teater dengan pengaruh Barat, Parsi dan tempatan, membentuk pementasan yang lebih terbuka kepada audiens yang lebih luas.

c. Zaman Pascamoden

Selepas kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat usaha besar-besaran untuk membina identiti kebangsaan melalui seni kreatif. Karya seni sering mencerminkan perjuangan nasionalisme, perpaduan kaum dan pembangunan negara. Pada tahun 1950-an hingga 1970-an, industri filem Melayu mencapai kemuncak dengan Studio Jalan Ampas di Singapura dan Studio Merdeka di Malaysia dengan menghasilkan filem-filem terkenal seperti "Bujang Lapok" dan "Hang Tuah". P. Ramlee menjadi ikon dalam industri perfileman dan muzik, serta berjaya membawa budaya Melayu ke persada antarabangsa. Para pelukis dan seniman tempatan mula membentuk gaya yang unik dan

lebih bebas, di mana tema-tema sosial, politik dan identiti Malaysia mula menjadi tumpuan. Karya seni seperti Syed Ahmad Jamal dan Ibrahim Hussein mula diiktiraf di peringkat antarabangsa. Penstrukturan ekonomi di Malaysia selepas kemerdekaan membolehkan industri kreatif berkembang pesat dalam pelbagai sektor seperti filem, muzik dan seni visual. Muzik, teater dan seni kontemporari mula berkembang dengan lebih luas, terutamanya dengan sokongan kerajaan melalui program kebudayaan dan seni. Tambahan pula, selepas kemerdekaan pada tahun 1957, terdapat usaha untuk mengangkat teater sebagai medium membentuk identiti kebangsaan. Teater mula dijadikan platform untuk menyampaikan mesej politik, sosial dan budaya. Penulis skrip tempatan seperti Usman Awang, Kassim Ahmad dan Syed Alwi memainkan peranan penting dalam memperkenalkan naskhah teater yang mempersoalkan keadaan masyarakat.

c. Zaman Hipermoden

Zaman ini menyaksikan ledakan penggunaan internet, media sosial dan teknologi digital yang mengubah secara drastik cara karya seni dan kreatif dihasilkan, diedarkan dan dinikmati. Pengkarya seni tempatan kini menggunakan platform digital seperti *YouTube*, *Instagram* dan *TikTok* untuk mempamerkan karya mereka kepada audiens global. Filem tempatan seperti “Ola Bola” dan “*The Journey*” menampilkan kualiti sinematografi yang lebih tinggi dan disokong oleh teknologi penggambaran moden. Di samping itu, penyanyi tempatan seperti Yuna berjaya menembusi pasaran antarabangsa melalui platform digital. Penggunaan teknologi terkini seperti kecerdasan buatan (AI) dan realiti maya (VR) dalam seni kreatif mula diterokai oleh pengkarya tempatan dan membuka jalan kepada inovasi baru dalam seni kontemporari Malaysia. Bagi industri kreatif teater, terdapat penerokaan penggunaan teknologi dalam pementasan seperti penggunaan visual digital, audio-visual interaktif dan penstriman langsung (*live streaming*) bagi menjangkau penonton yang lebih luas. Teater musikal seperti *Puteri Gunung Ledang The Musical* dan *P. Ramlee The Musical* mencipta fenomena baru dalam pementasan teater di Malaysia yang menggabungkan naratif tempatan dengan pengaruh teater musikal Broadway. Istana Budaya menjadi tempat utama bagi pementasan teater musikal berskala besar.

Evolusi industri kreatif di Malaysia, dari zaman klasik hingga zaman hipermoden telah mencerminkan perjalanan negara yang unik melalui pengaruh budaya tempatan dan global. Setiap zaman membawa perubahan besar dalam cara karya kreatif dihasilkan dan diedarkan terutamanya melalui perkembangan teknologi dan sokongan kerajaan serta masyarakat. Malaysia kini berada di ambang industri kreatif global yang lebih inovatif dengan pengaruh kuat dari era digital dan globalisasi. Dikatakan bahawa, sastera merupakan bidang yang menyumbang kepada industri kreatif.

SASTERA DALAM INDUSTRI KREATIF

Sastera memainkan peranan penting dalam industri kreatif terutamanya dalam konteks teater (Khairul Hisham, 2012). Sebagai salah satu cabang seni, teater menggabungkan elemen-elemen sastera seperti naratif, dialog dan watak dengan persembahan visual serta ekspresi fizikal. Perkara tersebut menjadikannya medium yang unik dan berpengaruh dalam industri kreatif.

a. Penggunaan naratif dan kisah-kisah klasik

Dalam teater Melayu tradisional, sastera wujud melalui naratif dan cerita rakyat yang diambil daripada epik-epik tradisional atau hikayat seperti *Hikayat Hang Tuah*, *Hikayat Malim Deman* dan *Hikayat Seri Rama*. Kisah-kisah ini disampaikan dalam bentuk penceritaan secara lisan yang telah diadaptasi ke dalam bentuk teater. Naratif ini dipengaruhi oleh unsur mitos, legenda, kepercayaan dan sejarah yang menjadikan teater Melayu tradisional sebagai alat yang berkesan untuk menyampaikan cerita-cerita klasik kepada masyarakat moden. Industri kreatif yang terlibat dalam mempromosikan teater tradisional seringkali menjadikan cerita-cerita epik ini sebagai tarikan utama untuk mengekalkan minat generasi muda terhadap warisan sastera Melayu.

b. Dialog berbentuk puisi dan kiasan

Unsur sastra juga jelas kelihatan dari aspek dialog dalam persembahan teater Melayu tradisional yang sering menggunakan pantun, syair, seloka, gurindam dan peribahasa. Penggunaan bahasa puitis ini bukan sahaja meningkatkan keindahan bahasa dalam persembahan, tetapi juga mencerminkan nilai estetika dan kebudayaan Melayu. Sebagai asas yang mengungguli karya sastra, keindahan sebenarnya memiliki daya tarikan yang mendorong pembaca suka kepadanya (A.Halim Ali, 2011,101-102). Dialog dalam teater Melayu tradisional juga sering disampaikan dalam bentuk kiasan atau simbolisme yang membolehkan penonton memahami mesej mendalam dan nilai moral yang disampaikan melalui watak dalam sesuatu persembahan. Dalam persembahan Mak Yong, dialog yang dilontarkan oleh watak utama adalah berbentuk pantun dan syair. Hal ini dikatakan demikian kerana melalui penggunaan tersebut akan dapat menyampaikan emosi dan makna mendalam dengan cara yang indah dan halus. Bahasa sastra juga memberi ruang kepada pelakon untuk mengekspresikan perasaan dan pemikiran secara lebih artistik.

c. Penyampaian nilai budaya dan moral

Sastra yang dipersembahkan dalam teater Melayu tradisional sering menyampaikan nilai-nilai moral yang tinggi. Kisah-kisah yang dipentaskan lazimnya menekankan tema-tema seperti kesetiaan, keadilan, keberanian dan kasih sayang. Unsur-unsur ini membantu masyarakat untuk memahami nilai-nilai penting dalam kehidupan melalui penceritaan. Menerusi sastra yang terdapat dalam teater, pengajaran yang terkandung di dalamnya lebih mudah diterima oleh penonton dalam bentuk yang menarik. Sebagai contoh, dalam pementasan Wayang Kulit, epik Ramayana yang dipersembahkan bukan sahaja menceritakan kisah kepahlawanan, tetapi juga menanam nilai kejujuran, kesetiaan kepada negara, dan kasih sayang dalam hubungan keluarga.

d. Penggunaan watak dalam persembahan

Watak-watak dalam teater Melayu tradisional sering kali mewakili nilai sastra yang memberi pengajaran atau refleksi sosial. Watak seperti raja, pahlawan, puteri dan hamba sering mewakili unsur-unsur yang bersifat alegori dan metafora, yang membawa makna mendalam dalam konteks budaya dan kepercayaan Melayu. Watak-watak ini sering diilhamkan daripada karya sastra tradisional dan bertindak sebagai medium penyampai mesej moral yang abstrak tetapi penting. Dalam teater bangsawan, watak raja sering digambarkan sebagai bijaksana dan adil, manakala watak antagonis mungkin mewakili kejahatan atau ketamakan, yang akhirnya dihukum oleh hukum alam atau kuasa ilahi. Melalui watak tersebut, ianya memberikan kesan moral kepada penonton.

e. Pembaharuan dan adaptasi dalam industri kreatif

Bidang industri kreatif terutamanya yang berkaitan dengan teater tradisional Melayu semakin berkembang dengan usaha mengadaptasi dan memperbaharui karya sastra lama ke dalam bentuk yang lebih sesuai dengan citarasa moden. Dalam industri teater kreatif, pementasan tradisional diubah suai dengan elemen multimedia, teknologi pencahayaan dan muzik kontemporari, namun masih mengekalkan nilai sastra yang asli. Ini membantu untuk menarik minat generasi baru serta memperluas jangkauan teater tradisional kepada audiens yang lebih pelbagai. Contohnya, terdapat usaha untuk mempersembahkan teater tradisional seperti wayang kulit dalam bentuk digital atau melalui penggunaan teknologi animasi yang dapat membantu memperkaya pengalaman penonton tanpa mengorbankan intipati sastra.

Teater adalah satu bentuk seni yang menggabungkan naratif, bahasa puitis, watak dan nilai budaya dengan persembahan visual dan ekspresi fizikal dalam sastra (Silalahi, 2023). Dalam industri kreatif, sastra memberi ruang untuk eksperimen, adaptasi dan penyampaian cerita yang melibatkan teknologi moden tetapi masih mengekalkan keindahan naratif dan bahasa asal dalam persembahan teater. Ini menjadikan teater bukan sahaja satu bentuk hiburan, tetapi juga medium yang berkesan

untuk menghidupkan karya sastera yang menghubungkan penonton dengan kisah-kisah klasik dan moden, sarat dengan makna dan pengajaran.

SEJARAH PERKEMBANGAN TEATER

Seni persembahan merupakan suatu pertunjukan yang dilakonkan oleh manusia dan dipertontonkan kepada khalayak ramai (Sheppard, Mubin, 1983). Seni persembahan juga dianggap sebagai salah satu cabang seni yang melibatkan elemen-elemen seperti lakonan, muzik, tarian, nyanyian dan penceritaan. Kesemua elemen tersebut akan digabung dan dipersembahkan secara langsung di hadapan khalayak. Seni persembahan bukan hanya bersifat hiburan, tetapi juga berfungsi sebagai medium untuk menyampaikan cerita, nilai, ritual, dan kepercayaan yang berkait rapat dengan budaya dan kehidupan masyarakat.

Seni persembahan berhubung kait dengan nilai kebudayaan manusia. Di pelosok dunia, seni persembahan memainkan peranan penting dalam memperkenalkan sejarah, adat dan tradisi sesuatu masyarakat. Persembahan tersebut merupakan salah satu medium penting dalam menyampaikan sesuatu maklumat mengenai keagamaan, nilai moral dan adat tradisi kepada masyarakat. Pelakon yang terlibat dalam seni persembahan ini bukan sahaja untuk menghiburkan, malah perlu memainkan peranan penting dalam menghidupkan karakter supaya dapat memberi nilai emosional secara langsung kepada penonton sekaligus dapat menyampaikan sesuatu mesej.

Teater Melayu merupakan salah satu dari seni persembahan yang terdapat di Malaysia (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1994). Teater Melayu mula berkembang sejak berabad lamanya, di mana persembahan ini sering kali dipentaskan untuk meraikan sesuatu peristiwa penting. Peristiwa-peristiwa penting seperti perayaan, perkahwinan dan upacara keagamaan akan diiringi dengan persembahan seni teater melayu. Sejarah teater Melayu berkembang dalam empat generasi iaitu teater bangsawan, teater sandiwara, teater realisme dan teater kontemporari.

Teater generasi pertama yang merangkumi teater bangsawan bermula pada tahun 1870. Pada mulanya, teater ini dibawa oleh rombongan dari India yang singgah di Pulau Pinang dan mempersembahkan teater kepada penduduk setempat. Setiap kali persembahan teater tersebut dilakukan ianya mendapat sambutan luar biasa dari penduduk. Dalam pada itu, persembahan teater ini berkembang sehingga ke Melaka dan Singapura iaitu tempat persinggahan bagi pedagang asing. Pada mulanya, teater bangsawan merujuk kepada persembahan untuk golongan atasan berdasarkan istilah Melayu iaitu “bangsa” yang membawa maksud sekumpulan manusia manakala “wan” pula digunakan untuk orang kenamaan atau dianggap istimewa. Namun demikian, setelah diaplikasikan keistimewaan bangsawan ini, ia menjadi bentuk hiburan yang diminati oleh segenap lapisan masyarakat.

Selain itu, generasi kedua iaitu teater sandiwara ini berkait rapat dengan kedatangan kumpulan Miss Ribut pada sekitar tahun 1930. Kumpulan tersebut merupakan kumpulan teater yang terkenal di Indonesia (Suboh, 2023). Kemunculan teater sandiwara di Tanah Melayu adalah pengaruh daripada perkembangan drama dari luar negara. Di samping itu, Maktab Perguruan Sultan Idris pada masa itu memainkan peranan penting. Hal ini dikatakan demikian kerana maktab tersebut merupakan pusat pengajian tinggi orang Melayu yang turut merencanakan lagi pengaruh drama di Tanah Melayu.

Generasi ketiga adalah teater realisme. Drama Malaysia mula menerima pengaruh realistik yang dibawa oleh perkembangan drama Indonesia. Pengaruh tersebut selari dengan unsur perbandaran di Eropah. Tambahan pula, di Eropah telah banyak melahirkan penulis-penulis elit yang memelopori seni teater. Sebelum kemunculan teater realistik, seni teater di Eropah digayakan dengan lakonan yang berlebih-lebihan seperti gaya gerakan badan, emosi dan peristiwa ajaib semasa persembahan. Walau bagaimanapun, teater ini merupakan tahap kedua dalam arus pembaharuan seni teater melayu di Malaysia. Bentuk teater ini menjadi asas sama seperti zaman teater sandiwara. Ciri-ciri asas adalah seperti sebuah pementasan yang mengambil masa antara satu hingga tiga jam sahaja. Teater bersiri dan berepisod sudah tidak dipentaskan. Oleh itu, bagi menimbulkan unsur realistik, dialog dalam persembahan memainkan peranan penting dengan menggunakan bahasa mudah dan ringkas agar mudah difahami.

Generasi keempat adalah teater kontemporari yang bermula pada tahun 1970. Teater ini mengutarakan beberapa ciri teater yang lama dan diubah suai kepada bentuk baru. Teater ini adalah

pengaruh dari perkembangan teater Barat yang menular ke negara-negara timur. Watak yang ditonjolkan dalam teater kontemporari tidak berkembang seperti dalam teater realisme. Hal ini kerana, watak utama dalam teater komtemporari seolah-olah terhapus secara perlahan-lahan. Peranan watak utama menjadi samar-samar. Dialog merupakan susunan kata yang digunakan oleh watak semasa berbicara. Dialog ini digabungkan dengan gaya tertentu untuk menimbulkan kesan yang selari. Namun begitu, dialog dalam teater kontemporari bersifat asumi yang dapat mengelirukan penonton. Hal ini adalah untuk menerangkan mengenai peranan watak dan situasi dalam sesebuah cerita.

JENIS TEATER MELAYU TRADISIONAL

Dalam konteks budaya Melayu, seni persembahan tradisional merangkumi pelbagai bentuk seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Bangasawan, Menora dan Mek Mulung (Zahari, Z. & Yuszaidy Mohd Yusoff, 2020). Bentuk seni ini bukan sahaja berfungsi sebagai hiburan tetapi juga sebagai alat untuk menyampaikan kisah-kisah tradisional, mitos dan legenda yang kaya dengan nilai moral dan falsafah hidup. Seni persembahan Melayu tradisional memainkan peranan penting dalam menyatukan masyarakat dan mengajar nilai-nilai keagamaan, etika dan moral melalui penceritaan dan lakonan.



Foto 1: Persembahan Mak Yong

(Dipetik dari <https://soscili.my/mak-yong-mitos-asal-usulnya-dari-kisah-seorang-puteri-dan-seekor-anjing/>)

Persembahan Makyong dikatakan berasal dari Istana Melayu Patani lebih kurang 400 tahun yang lampau dan mula tersebar ke negeri di timur semenanjung (Ghulam Sarwar, 1979). Mak Yong merupakan salah satu seni persembahan teater tertua dalam budaya Melayu yang menggabungkan elemen lakonan, nyanyian dan tarian. Ia sering dipersembahkan di istana untuk menghibur golongan bangsawan, tetapi juga untuk melaksanakan upacara ritual penyembuhan. Menurut Wiwiek Sipala, mak yong Riau berasal dari Siam, iaitu merujuk kepada jajahan Patani dan dibawa masuk ke Riau melalui Kelantan. Mak yong dipersembahkan sebagai sebahagian daripada perayaan penghujung musim menuai padi, memuja umur sultan dan upacara perkahwinan. Unsur muzik, tarian dan cerita yang terdapat di dalamnya digunakan dalam upacara pemulihan penyakit yang dikenali sebagai Main Puteri atau Mak yong Berniat. Menurut Mathew (2001) terdapat enam elemen alat muzik seperti tawak, gendang ibu dan gendang anak, canang, kesi, serunai dan juga rebab dipersembahkan. Selain itu, para pelakon Mak Yong juga perlu mahir dalam empat belas pergerakan asas bagi tarian Mak Yong yang bersifat simbolik kepada persembahan tersebut. Antara watak-watak penting dalam persembahan Mak yong adalah Pakyong, Pakyong Muda, Mak Yong, Puteri Mak Yong, Peran, dan Dayang-dayang Istana. Tidak ketinggalan juga watak antagonis seperti Raja Jin yang merupakan pihak lawan kepada watak-watak baik.



Foto 2: Persembahan Wayang Kulit
(Dipetik dari <https://dewanbudaya.jendeladbp.my/2023/04/01/5195/>)

Wayang kulit juga merupakan salah satu teater yang tertua dan boleh didapati di seluruh Asia Tenggara seperti Malaysia, Thailand, Indonesia, Kemboja dan lain-lain lagi. Wayang Kulit adalah sejenis teater bayangan yang menggunakan patung-patung kulit untuk mengisahkan epik seperti Ramayana dan Mahabharata. Melalui penggunaan cahaya dan bayang-bayang, Wayang Kulit memberikan pengalaman visual yang magis dan simbolik kepada penonton. Cahaya akan dipancarkan di belakang kelir dan patung-patung wayang yang diperbuat daripada kulit haiwan akan digerakkan di antara kelir dan cahaya. Patung-patung digerakkan oleh seorang dalang mengikut cerita yang dibawa berserta iringan muzik. Menurut Jacques Brunet, India merupakan tempat asal bagi wayang kulit. Wayang kulit di Malaysia ini terbahagi kepada tiga jenis iaitu, wayang Kelantan (wayang Siam), wayang Melayu dan wayang Jawa. Wayang Kulit Kelantan akan diterajui oleh seorang tukang cerita yang dipanggil dalang. Dalang yang merupakan pemimpin kumpulan bertindak sebagai pemain segala peranan dalam persembahan wayang kulit, antaranya sebagai penulis cerita, pengarah lakonan, pengatur pentas, penyusun iringan, pengisah, pemain watak, dan juga penyanyi. Dengan kata lain, dalang adalah seseorang yang mempunyai kemahiran pelbagai ilmu dan disiplin. Terdapat dua jenis dalang iaitu dalang muda dan dalang tua. Dalang muda berperanan memulakan persembahan iaitu sewaktu bermulanya lagu bertabuh manakala persembahan isi cerita akan diambil alih oleh dalang tua sehinggalah tamat persembahan.



Foto 3: Persembahan Mek Mulung
(Dipetik dari <https://suamerdeka.com.my/unesco-beri-pengiktirafan-kepada-teater-tradisi-mek-mulung/mek-mulung-3/>)

Di samping itu, Mek Mulung juga merupakan teater Melayu tradisional yang terdapat di Malaysia (Mohamed Ghouse, 2009). Teater ini menggunakan unsur-unsur muzik tarian dan dialog untuk mempersembahkan cerita dan lagenda tempatan yang berasal dari Wang Tepus, Kedah. Terdapat beberapa teori tentang asal-usul Mek Mulung yang mengandungi unsur mitos dan lagenda (Zaini-Lajoubert, 2010). Salah satu teori yang berasaskan kepada cerita Tujuh Puteri Jelita Raja

Ligor. Persembahan Mek Mulung seakan-akan sama dengan Menora dan Mak Yong. Persembahan Mek Mulung ini memerlukan satu proses ritual sebelum diadakan persembahan pada keesokannya. Proses upacara buka panggung diadakan untuk mengimbangi kuasa semangat dan makhluk halus berada dalam keadaan tenteram dan seimbang (Sheppard, 1983) dan (Salleh Embut, 2009). Persembahan Mek Mulung ini terdiri daripada dua elemen iaitu cerita dan tarian. Elemen cerita Mek Mulung banyak bersifat cerita-cerita rakyat tempatan yang berlaku dalam lingkungan masyarakat pada masa sebelum itu (Toh Lai Chee, 2004) dan (Zamzuriah, 2019). Cerita-cerita rakyat ini yang menjadi daya tarikan masyarakat setempat datang untuk mendengar dan menonton persembahan Mek Mulung. Cerita-cerita rakyat yang bertemakan cerita hikayat yang sering dibawa yang bertemakan latar istana, anak raja dan putra dan puteri raja. Elemen tarian dalam persembahan Mek Mulung bertindak sebagai pelengkap dan penting bagi menjayakan persembahan Mek Mulung. Kebanyakan gerak tari dalam Mek Mulung menggunakan konsep lingkaran atau bulatan (Toh Lai Chee, 2004) dan (Khairul Hisham, 2012).



Foto 4: Persembahan Teater Bangsawan
(Dipetik dari <https://www.thisisreef.com/2017/09/teater-bangsawan-dewa->

Bangsawan pula merupakan persembahan teater Melayu yang menggabungkan unsur teater tradisional dan unsur moden. Mengikut kepercayaan, kemunculan teater bangsawan ini dipengaruhi oleh Wayang Parsi yang dibawa ke Pulau Pinang pada tahun 1870-an oleh pedagang India yang berdagang dengan Syarikat India Timur (*The East India Company*). Kumpulan pertama Wayang Parsi yang mengadakan pementasan untuk pedagang dan pekerja India dianggotai oleh kesemua pelakon lelaki berlakon dalam cerita-cerita India dan Timur Tengah dalam bahasa Hindustan. Bangsawan ini juga dikenali sebagai sejenis opera Melayu tradisional atau teater yang dilakukan oleh sekumpulan ahli dan disertai dengan muzik dan kadangkala tarian. Ia tersebar luas dalam bidang budaya Melayu di Malaysia, Indonesia, Singapura dan Brunei. Perkataan “bangsa” diambil daripada bahasa Sanskrit iaitu ‘vamsa’ yang bermaksud “keluarga” atau “dinasti”. Perkataan “wan” berasal dari bahasa Sanskrit ‘vant’. Pada zaman dahulu, seseorang dipanggil bangsawan jika dia berketurunan dari keluarga diraja. Teater bangsawan mendapat nama kerana sering menggambarkan legenda dan kisah para bangsawan Melayu yang berlaku di istana (Mohamed Ghouse Nasuruddin, 1994).

CIRI ASAS SEBUAH TEATER MELAYU TRADISIONAL

Teater Melayu Tradisional mempunyai ciri-ciri asas tertentu. Ciri asas dapat dilihat dari aspek pentas, muzik, watak, pakaian, latar belakang dan lakonan. Pentas dalam teater Melayu tradisional biasanya bersifat sederhana dan terbuka dengan reka bentuk yang minimum. Ia sering diadakan di kawasan lapang seperti di halaman istana, kampung, atau kawasan pesta. Kadangkala, persembahan dilakukan di atas pentas kayu yang mudah untuk dipasang dan dibuka. Pentas teater ini biasanya tidak mempunyai latar belakang yang tetap dan set minimal digunakan bergantung kepada keperluan cerita seperti hiasan pokok, kain latar atau bendera.

Seterusnya, muzik adalah komponen utama dalam teater Melayu tradisional. Hal ini dikatakan demikian kerana ia membantu mengiringi emosi dan suasana dalam penceritaan. Alat muzik tradisional seperti gendang, gong, rebab, serunai dan gamelan sering digunakan. Misalnya, dalam

persembahan Mak Yong dan Wayang Kulit, muzik berperanan besar untuk memberikan irama yang sesuai dengan pergerakan pelakon serta memberi kesan dramatik. Pemuzik biasanya berada di belakang pentas atau di tepi kawasan persembahan. Jenis muzik bergantung pada persembahan, sama ada muzik perlahan untuk babak romantik atau muzik rancak untuk babak pertempuran.

Watak-watak dalam teater Melayu tradisional sangat jelas dan simbolik. Watak-watak memainkan peranan penting dan melambangkan pelbagai perwatakan yang mempunyai sifat keberanian, kebijaksanaan, kebodohan, atau kejahatan. Watak ini dibahagikan kepada watak utama seperti raja, puteri, pahlawan, ahli sihir, atau dewa, serta watak pembantu seperti badut atau pelawak. Dalam teater seperti Wayang Kulit, watak-watak ini diwakili oleh patung-patung kulit yang digerakkan oleh seorang dalang. Dalam persembahan Makyong atau Bangsawan pula, pelakon memainkan peranan dengan menggunakan dialog puitis.

Selain itu, pakaian dalam teater Melayu tradisional mencerminkan status watak dan budaya tempatan. Kostum watak seperti raja dan puteri biasanya berwarna terang dan mewah serta menggunakan kain-kain tradisional seperti songket, sutera dan batik. Watak pahlawan pula memakai pakaian yang bersenjatakan keris atau pedang, manakala watak hamba atau pelawak memakai pakaian yang lebih ringkas.

Latar belakang cerita dalam teater Melayu tradisional biasanya epik atau legenda yang berkaitan dengan kisah-kisah raja, mitos atau dewa. Banyak pementasan ini mengambil inspirasi daripada hikayat-hikayat lama seperti *Hikayat Seri Rama* atau *Hikayat Hang Tuah*. Kisah-kisah ini sering berkisar tentang keberanian, kesetiaan, cinta dan pengorbanan.

Di samping itu, lakonan dalam teater Melayu tradisional tidak hanya melibatkan dialog, tetapi juga gerak tubuh dan mimik muka yang penuh simbolik. Gaya lakonan sering kali berlebihan (melodramatik), sesuai dengan konsep teater yang memberi tumpuan kepada gerak badan yang indah dan intonasi suara yang dramatik. Pelakon sering menggunakan intonasi yang tinggi dan berbicara dalam pantun atau syair.

Teater Melayu tradisional mempunyai ciri-ciri yang unik dan kaya dengan simbolisme (Mohammed Azanan, et al, 2021). Setiap elemen tersebut memainkan peranan penting untuk membangkitkan suasana dramatik dan menyampaikan cerita yang sarat dengan nilai budaya dan moral. Teater ini bukan sahaja hiburan tetapi juga medium untuk menyampaikan ajaran hidup dan nilai keagamaan.

POTENSI TEATER MELAYU TRADISIONAL DALAM INDUSTRI KREATIF

Potensi Teater Melayu Tradisional dalam industri kreatif dapat dilihat dengan jelas melalui beberapa sektor utama seperti pelancongan budaya, pengkomersilan melalui media dan hiburan, industri muzik dan karya kreatif serta pendidikan seni dan pengembangan bakat baru (Silalahi, 2023).

Teater Melayu tradisional mempunyai potensi besar dalam sektor pelancongan budaya. Seni teater seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Bangsawan dan Dikir Barat boleh dijadikan tarikan utama pelancong yang ingin menikmati pengalaman budaya yang autentik. Beberapa cara teater tradisional dapat diintegrasikan ke dalam pelancongan budaya. Antaranya, mengadakan festival budaya dan persembahan rutin. Pementasan teater tradisional boleh dijadikan acara utama dalam festival tempatan dan antarabangsa, seperti Festival Kesenian Melayu atau persembahan di tempat-tempat bersejarah. Persembahan rutin pula boleh diadakan di lokasi seperti pusat pelancongan budaya, resort atau tempat bersejarah. Hal ini adalah untuk menarik kedatangan pelancong baik dari dalam mahupun luar negara.

Media digital memberikan platform besar untuk teater Melayu tradisional berkembang dalam industri hiburan moden. Pengkomersilan melalui media boleh dilakukan dengan cara mengadaptasikan dalam televisyen (Saifuddin Abdullah, 2020). Terdapat banyak kisah dalam teater Melayu tradisional boleh dijadikan inspirasi untuk filem atau drama. Sebagai contoh, kisah mitos dan legenda Melayu yang sering dipersembahkan dalam teater boleh diadaptasi dalam bentuk sinema atau siri televisyen. Selain itu, teater tradisional boleh direkodkan dan disiarkan melalui platform dalam talian seperti *YouTube*, *Netflix* dan sebagainya yang memfokuskan kepada seni tradisional. Ini boleh membawa seni teater Melayu ke peringkat global dengan lebih mudah. Walau bagaimanapun, dalam

media sosial seperti *Instagram, TikTok, dan Facebook* boleh dimanfaatkan dengan baik. Hal ini dikatakan demikian kerana elemen-elemen teater seperti kostum, tarian, muzik, dan cerita boleh dipopularkan dalam kalangan generasi muda.

Teater Melayu tradisional mengandungi unsur muzik, tarian dan cerita yang boleh dipasarkan dalam industri muzik dan seni kreatif moden. Sebagai contoh muzik dari teater Melayu tradisional yang dimainkan dengan menggunakan alat muzik seperti gamelan, gendang, dan serunai boleh dikomersilkan dalam bentuk album muzik atau digabungkan dengan muzik kontemporari. Muzik teater juga boleh digunakan dalam lagu-lagu pop atau runut bunyi filem untuk mencipta gabungan unik antara tradisi dan moden. Selain itu, busana dan peralatan teater tradisional boleh menjadi inspirasi untuk pelbagai produk kreatif. Sebagai contoh, rekaan fesyen berasaskan busana Mak Yong atau Wayang Kulit boleh diadaptasi dalam koleksi fesyen moden. Kisah-kisah dalam teater tradisional juga boleh dijadikan asas kepada novel grafik, komik dan animasi.

Teater Melayu tradisional mempunyai potensi besar dalam industri kreatif. Melalui pelbagai aspek, teater tradisional akan dapat berkembang dan dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi kreatif serta memelihara warisan budaya Melayu. Usaha untuk melibatkan teknologi moden, sokongan daripada industri kreatif dan kerjasama antara pelbagai pihak adalah kunci untuk memanfaatkan potensi teater ini sepenuhnya.

KEPENTINGAN TEATER MELAYU TRADISIONAL DALAM INDUSTRI KREATIF

Teater Melayu tradisional merupakan khazanah seni yang tidak ternilai dalam budaya Melayu, dan kini semakin diakui sebagai aset penting dalam industri kreatif. Ia bukan sahaja melambangkan warisan budaya yang kaya dengan tradisi, mitos dan cerita rakyat, tetapi juga menawarkan potensi besar untuk berkembang dalam dunia moden yang berorientasikan inovasi dan kreativiti. Teater tradisional seperti Mak Yong, Wayang Kulit, Bangasawan dan sebagainya mencerminkan keindahan seni persembahan Melayu yang unik dengan elemen-elemen seperti lakonan, muzik, tarian, dan naratif yang kaya dengan simbolisme.

Salah satu cara utama teater Melayu tradisional menjadi aset kepada industri kreatif ialah melalui penyediaan sumber inspirasi yang tidak terbatas. Cerita-cerita legenda, mitos dan epik yang sering menjadi asas persembahan teater tradisional menawarkan bahan yang sah bagi penggiat seni kontemporari. Pengaruh ini dapat dilihat dalam filem, pementasan teater moden, animasi serta penulisan kreatif yang menonjolkan elemen-elemen budaya tempatan. Sebagai contoh, unsur mistik dan simbolisme dalam Wayang Kulit telah mengilhami banyak karya visual dan filem tempatan, manakala Mak Yong yang penuh dengan kisah mitologi menjadi naratif menarik bagi karya sastera moden. Penggabungan elemen-elemen ini ke dalam karya kreatif membantu mengekalkan identiti budaya sambil memperkayakan kandungan yang dapat dipasarkan kepada audiens global.

Selain itu, teater Melayu tradisional berfungsi sebagai alat penting dalam usaha pemeliharaan warisan budaya (Silalahi, 2023). Dalam era globalisasi di mana budaya tempatan sering kali dipinggirkan, namun seni persembahan seperti Mak Yong dan Bangasawan memainkan peranan penting dalam memperkukuhkan identiti budaya dan mewariskannya kepada generasi akan datang. Pemeliharaan teater tradisional melalui dokumentasi, pementasan semula serta kolaborasi dengan penggiat seni moden, bukan sahaja mengekalkan seni tersebut tetapi juga memperkenalkannya kepada audiens baru. Industri kreatif, terutamanya yang berkaitan dengan pelancongan budaya, dapat memanfaatkan persembahan teater tradisional sebagai produk seni yang eksklusif. Persembahan seperti Wayang Kulit boleh dijadikan tarikan utama dalam acara kebudayaan, festival seni atau sebagai tarikan pelancong yang ingin merasai pengalaman seni tradisional. Ini bukan sahaja memelihara warisan budaya tetapi juga membuka ruang ekonomi baharu dalam sektor pelancongan dan hiburan.

Teater Melayu tradisional juga membuka peluang ekonomi dalam industri kreatif. Persembahan teater melibatkan ramai pihak terutama daripada pelakon, pemuzik, pembuat kostum, penata cahaya hingga kepada pengarah seni dan penulis skrip. Dengan mempromosikan teater tradisional secara lebih meluas, terdapat banyak peluang pekerjaan dapat diwujudkan terutamanya di kawasan-kawasan yang mempunyai sejarah teater tradisional yang kuat seperti Kelantan dan

Terengganu. Tambahan pula, dengan kemajuan teknologi yang serba canggih ini persembahan teater kini dapat dijadikan produk digital yang boleh diakses oleh audiens secara lebih luas. Platform dalam talian boleh digunakan untuk menyiarkan persembahan teater tradisional dan memperluaskan pasaran seni persembahan ini bukan sahaja di dalam negara tetapi juga di peringkat antarabangsa. Ini membuka ruang bagi perkembangan ekonomi digital dalam industri kreatif tempatan.

Teater Melayu tradisional juga memainkan peranan penting dalam diplomasi budaya. Persembahan teater tradisional sering dipilih untuk mewakili Malaysia dalam acara kebudayaan dan festival seni antarabangsa. Contohnya, persembahan Mak Yong telah diiktiraf sebagai warisan budaya oleh UNESCO adalah salah satu contoh seni persembahan yang boleh diketengahkan untuk memperkenalkan kebudayaan Melayu di pentas dunia. Melalui diplomasi budaya ini, Malaysia bukan sahaja dapat memperkenalkan warisan seni tradisionalnya tetapi juga dapat memperkukuhkan hubungan dengan negara-negara lain melalui seni. Ini membuka peluang untuk kolaborasi antarabangsa di mana penggiat seni dari negara lain dapat bekerjasama dengan penggiat teater tradisional tempatan sekaligus meningkatkan mutu dan daya saing teater Melayu di peringkat global.

Teater Melayu tradisional juga memberikan sumbangan besar dalam bidang pendidikan dan penyelidikan. Banyak institusi pendidikan seni menjadikan teater tradisional sebagai sebahagian daripada kurikulum mereka. Hal ini dikatakan demikian adalah untuk mendidik generasi muda tentang sejarah dan teknik-teknik seni persembahan. Selain itu, penyelidikan akademik mengenai teater tradisional termasuk kajian tentang simbolisme, bahasa dan budaya dalam teater dapat membantu memperkayakan pengetahuan tentang sejarah kesenian Melayu. Dengan adanya pendidikan yang memberi fokus kepada teater tradisional, lebih banyak bakat baru dalam bidang seni akan dilahirkan sekaligus memacu industri kreatif untuk terus berkembang dengan lebih inovatif. Akademik dan penggiat seni juga boleh bekerjasama untuk mengembangkan aspek-aspek teater tradisional ini ke dalam medium baharu seperti seni digital dan interaktif.

Jelas bahawa teater Melayu tradisional merupakan aset yang tidak ternilai dalam industri kreatif. Dari sudut inspirasi seni, pemeliharaan warisan budaya, peluang ekonomi, diplomasi budaya hingga kepada pendidikan, teater tradisional memainkan peranan penting dalam memperkayakan landskap kreatif tempatan. Dengan sokongan yang berterusan daripada semua pihak, seni teater tradisional Melayu akan terus relevan dan berdaya maju dalam dunia moden yang serba pantas.

RUMUSAN

Teater Melayu tradisional merupakan salah satu khazanah seni yang kaya dengan nilai budaya dan identiti bangsa serta berperanan penting dalam landskap seni persembahan di Malaysia. Bentuk-bentuk seni seperti Mak Yong, Wayang Kulit, dan Bangsawan bukan sahaja mencerminkan warisan sejarah yang mendalam tetapi juga memiliki potensi besar untuk diperkasakan dalam industri kreatif moden. Melalui penyesuaian dan inovasi, teater tradisional boleh dipersembahkan kepada generasi baru dalam bentuk yang lebih menarik dan relevan, sambil mengekalkan unsur-unsur budaya yang autentik. Sebagai aset penting dalam industri kreatif, teater Melayu tradisional bukan sahaja menyumbang kepada penghasilan kandungan kreatif tetapi juga boleh mempromosikan identiti budaya Malaysia di peringkat antarabangsa. Dengan usaha pemeliharaan, dokumentasi dan integrasi dengan teknologi moden, teater tradisional boleh menjadi daya tarikan yang kuat dalam bidang pelancongan budaya serta membuka peluang pekerjaan kepada penggiat seni. Justeru, ia wajar dianggap sebagai harta berharga yang bukan sekadar perlu dipelihara, tetapi juga dimajukan untuk masa depan yang lebih progresif dan berdaya saing dalam industri kreatif global.

RUJUKAN

- A. Halim Ali (2019) *Pengetahuan Asas Penyelidikan Dalam Kesusasteraan Melayu*, Klang: MZ Edu Publications
- A. Halim Ali (2019) *Wacana Teori dan Kritikan Sastera*, Shah Alam: NHA Excell Resources

- Ali, A. H. (2011). Konsep Keindahan dalam Kesusasteraan Melayu Tradisional: Beauty Concept in Traditional Malay Literature. *PENDETA*, 2, 99–117. Retrieved from <https://ojs.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1109>
- Ghulam Sarwar (1979). *Dramatari Makyung Kelantan: Satu pengenalan*. Dewan Budaya: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khairul Hisham, A. (2012). *Tari sebagai komponen penting dalam persembahan teater mek mulung di kampung wang tepus, jitra, kedah*. Latihan Ilmiah, Jabatan Tari, Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Mohamed Ghouse Nasuruddin. (1994). *Tarian melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammed Azanan, M. F., Tan, K. M. M., Jamaludin, A., & Kamarudin, H. D. (2021). Merungkai seni teater tradisional makyung: sejarah 400 tahun lampau serta pengiktirafan UNESCO. *Jurnal Sejarah Lisan Malaysia*, 5(1), 142-154.
- Saifuddin Abdullah. (2020). Memperkasa Industri Kreatif Negara. *Bernamea*. <https://bernama.com/bm/tintaminda/news.php?id=1845177> Dicapai 10/10/2024
- Salleh Mohd. Akib. (2009). *Permainan tradisional rakyat kelantan*. Kota Bharu: Perbadanan Muzium Negeri Kelantan
- Sheppard, Mubin. (1983). *Taman saujana, dance, drama, music and magic*. Selangor. International Book Service.
- Silalahi, R. (2023). Pembangunan industri kreatif sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi. *Circle Archive*, 1(3): 2-6.
- Suboh, R. (2023). Teater tradisional mendu dan bangsawan di asia tenggara: hubung kait sejarah dan elemen persembahan. *Wacana Seni Journal of Arts Discourse*, 22: 34-50.
- Toh Lai Chee. (2004). *Muzik dalam mek mulung: perkaitannya dengan perwatakan, gerak – geri dan kegiatan*. Minden: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- Zahari, Z. & Yuszaidy Mohd Yusoff, M. (2020). Persembahan tradisional mek mulung di malaysia: perubahan struktur persembahan. *Jurnal Melayu Sedunia*, 3(1), 100-121.
- Zaini-Lajoubert, M. (2010). Karya sastera melayu moden yang berilhamkan karya sastera melayu lama. *Jurnal Terjemah Alam & Tamadun Melayu* 1(2), 113-114.
- Zaini-Lajoubert, M. (2020). *Dasar Industri Kreatif Negara (DKIN)*. Putrajaya: Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan.
- <https://www.scribd.com/presentation/455630593/Dasar-Industri-Kreatif-Negara>
- <https://peoplepostinsiderdotcom.wordpress.com/2020/11/25/industri-kreatif-negara-peranan-dan-usaha-pemeriksaan/>